

PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE FOR PUPILS AND ATTACHMENT STUDENTS

This Personal Data Protection Notice for Pupils and Attachment Students (“**Notice**”) describes how Skrine collects and processes your Personal Data (defined below).

By using the Skrine website at <http://www.skrine.com> (“**Website**”) or submitting your information on the Website and communicating with Skrine for purposes of your pupillage or attachment application, you consent to the processing of your Personal Data in accordance with this Notice.

In the event you are agreeing to this Notice in order for a minor (individual under the age of 18) to submit his/her application, you hereby consent to the provision of Personal Data of the minor to be processed in accordance with this Notice and you personally accept and agree to be bound by the terms in this Notice. Further, you hereby agree to take responsibility for the actions of such minor, and that minor's compliance with this Notice.

Collection of Personal Data

1. “**Personal Data**” means information about you, from which you are identifiable, including but not limited to your name, residential address, residential telephone number, mobile phone number, identity card number, your image or photograph, income tax reference number, your education details including your examination results, bank account details, EPF and SOCSO reference number, name(s), date(s) of birth and contact details of next of kin, any information generated during the course of your engagement and attachment with Skrine including any “Sensitive Personal Data”. Sensitive Personal Data shall mean any information relating to:-
 - (a) your physical and mental health;
 - (b) your political opinions;
 - (c) your religious beliefs or other beliefs of a similar nature;
 - (d) the commission or alleged commission by you of any offence;
 - (e) your biometric data.

2. Your Personal Data may be collected and processed by Skrine from various sources including but not limited to information provided directly by you (whether in oral or written form), including those provided in the application process (e.g. information in your resume or application form(s)), information submitted via the Website, and/or from third party information sources (including without limitation recruitment agencies, head-hunters, medical report from Skrine’s appointed doctor and information provided by referees), or information otherwise generated during the course of considering you as a Pupil or Attachment Student, upon commencement of your engagement and/or in the course of your engagement or attachment with Skrine.

3. In some circumstances, your Personal Data may be collected indirectly from monitoring devices or by other means for example, building and location access control and monitoring systems, closed circuit television, telephone logs and recordings and email and Internet access logs.
4. The provision of your Personal Data to Skrine is mandatory for the purposes of considering you for our pupillage or attachment programme, processing your applications, your engagement with Skrine as a Pupil or an Attachment Student, and to comply with the law. Failure to provide your Personal Data will result in Skrine not being able to offer you a position, or conduct the pupillage or attachment programme effectively.

Purposes of Processing

5. You hereby acknowledge and agree that Skrine collects, uses, processes and retains your Personal Data for the purposes of your engagement with Skrine as a Pupil or an Attachment Student and to ensure that your engagement with Skrine may be managed and administered effectively, including (without limitation) for the following purposes:-
 - (a) General administrative and record keeping purposes;
 - (b) Headcount and honorarium payment planning;
 - (c) Personal development, training and certification;
 - (d) Business travel;
 - (e) Performance management/evaluation;
 - (f) Administering, approving and monitoring benefits and entitlements;
 - (g) Audit and compliance purposes;
 - (h) Risk management and security purposes;
 - (i) Providing and monitoring access to the workplace, related facilities and systems;
 - (j) Internal investigations and legal proceedings;
 - (k) Regulatory approvals and compliance;
 - (l) Compliance with the law and any amendments in force; and
 - (m) For such other purposes as may be required or permitted by law.
6. Skrine may also collect, use and process your Personal Data to the extent necessary only for the following purposes:-

- (a) To promote Skrine and your skills to the general public but in particular to clients and potential clients;
- (b) On Skrine's promotional material, proposals for work or where otherwise required in the interest and welfare of Skrine.

Disclosure to Third Parties, and Transfers out of Malaysia

7. You also acknowledge and agree that Skrine may also disclose and transfer your Personal Data to the following parties (who may be located outside of Malaysia and/or use and process your Personal Data outside of Malaysia) only to the extent necessary:
- (a) third parties to whom Skrine outsources certain of its internal functions, such as its information technology and claims vendors;
 - (b) Skrine's insurers, advisers, consultants and auditors;
 - (c) when requested by a client or potential client to assist them in deciding whether to engage Skrine's services;
 - (d) organisers when your profiles are requested for purposes of attending events or conferences;
 - (e) publishers of legal related publications when we submit any articles or publications.

Security of Personal Data

8. We are committed to maintaining the security of your Personal Data in accordance with the data security requirements under the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA), as well as our internal policies.

Retention Period

9. We process your Personal Data only for as long as necessary to fulfil the purposes stated above, and thereafter for as long as we are required to do so under the relevant statutory limitation periods, applicable laws and regulations, as well as our internal policies. Where the Personal Data is no longer required for the purposes stated above or the relevant legal requirements, we will delete the Personal Data.

Access and Correction

10. You may, request access to and/or correct your Personal Data by providing written notice to Skrine's Data Protection Officer using the contact information set forth below. Skrine has the right to: (a) refuse the

access or correction request for the reasons provided under law; and (b) to charge a fee of RM2 for each access request save where the access is for purposes of updating/correcting your Personal Data or for such other legitimate reasons accepted by Skrine.

Contact Information

11. In the event you wish to limit the processing of your Personal Data, to access or correct your Personal Data pursuant to Section 10, or if you have any inquiries or complaints in respect of the processing of your Personal Data, please contact:

Jillian Chia

Data Protection Officer

Unit No. 50-8-1, 8th Floor,

Wisma UOA Damansara,

50, Jalan Dungun, Damansara Heights,

50490 Kuala Lumpur

Email: dpo@skrine.com

Telephone No.: +603 2081 3999 Facsimile No.: +603 2094 3211

12. Skrine shall have the right to modify, update or amend the terms of this Notice at any time by placing the updated Notice on the Skrine Intranet Portal and such modifications, updates or amendments shall be binding on you.
13. In the event of conflict between the English and Malay version of this Notice, the English version shall prevail.

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI UNTUK PELATIH DALAM KAMAR DAN PELAJAR PENEMPATAN

Notis Perlindungan Data Peribadi untuk Pelatih Dalam Kamar (“PDK”) dan Pelajar Penempatan (“Notis”) ini menerangkan bagaimana Skrine mengumpul dan memproses Data Peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah) anda.

Dengan menggunakan laman web Skrine di <http://www.skrine.com> (“Laman Web”) atau menghantar maklumat anda melalui Laman Web serta berkomunikasi dengan Skrine untuk tujuan permohonan pelatihan atau penempatan anda, anda bersetuju dengan pemrosesan Data Peribadi anda selaras dengan Notis ini.

Sekiranya anda bersetuju menerima Notis ini bagi pihak seorang kanak-kanak (individu di bawah umur 18 tahun) untuk mengemukakan permohonannya, anda dengan ini memberi persetujuan kepada pemberian Data Peribadi kanak-kanak tersebut untuk diproses mengikut Notis ini dan anda secara peribadi menerima serta bersetuju untuk terikat dengan terma dalam Notis ini. Selain itu, anda juga bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap tindakan kanak-kanak tersebut, serta pematuhan kanak-kanak tersebut terhadap Notis ini.

Pengumpulan Data Peribadi

1. “Data Peribadi” bermaksud maklumat mengenai anda, yang mana anda boleh dikenal pasti, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat kediaman, nombor telefon kediaman, nombor telefon bimbit, nombor kad pengenalan, imej atau gambar anda, nombor rujukan cukai pendapatan, butiran pendidikan anda termasuk keputusan peperiksaan, butiran akaun bank, nombor rujukan KWSP dan PERKESO, serta nama, tarikh lahir dan butiran hubungan waris dekat, sebarang maklumat yang dihasilkan semasa penglibatan dan penempatan anda dengan Skrine termasuk sebarang “Data Peribadi Sensitif”. Data Peribadi Sensitif bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan dengan:-
 - (a) kesihatan fizikal dan mental anda;
 - (b) pandangan politik anda;
 - (c) kepercayaan agama anda atau kepercayaan lain yang serupa;
 - (d) kesalahan atau dakwaan kesalahan yang dilakukan oleh anda;
 - (e) data biometrik anda.
2. Data Peribadi anda mungkin dikumpul dan diproses oleh Skrine daripada pelbagai sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang diberikan secara langsung oleh anda (sama ada secara lisan atau bertulis), termasuk yang diberikan semasa proses permohonan (contohnya maklumat dalam resume atau borang permohonan anda), maklumat yang dihantar melalui Laman Web, dan/atau daripada sumber maklumat pihak ketiga (termasuk tanpa had agensi pengambilan pekerja, pemburu bakat, laporan perubatan daripada doktor yang dilantik oleh Skrine dan maklumat yang diberikan oleh rujukan), atau maklumat yang dihasilkan semasa mempertimbangkan anda sebagai PDK atau Pelajar Penempatan, semasa permulaan pengambilan kerja anda dan/atau sepanjang penempatan anda dengan Skrine.

3. Dalam beberapa keadaan, Data Peribadi anda mungkin dikumpul secara tidak langsung melalui peranti pemantauan atau dengan cara lain seperti sistem kawalan akses dan pemantauan bangunan dan lokasi, televisyen litar tertutup, log dan rakaman telefon serta log emel dan akses Internet.
4. Pemberian Data Peribadi anda kepada Skrine adalah wajib untuk tujuan mempertimbangkan anda bagi program latihan atau penempatan kami, memproses permohonan anda, pengambilan anda dengan Skrine sebagai PDK atau Pelajar Penempatan, dan untuk mematuhi undang-undang. Kegagalan memberikan Data Peribadi anda akan mengakibatkan Skrine tidak dapat menawarkan penempatan kepada anda, atau menjalankan program latihan penguam atau penempatan dengan berkesan.

Tujuan Pemprosesan

5. Anda dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Skrine mengumpul, menggunakan, memproses, dan menyimpan Data Peribadi anda untuk tujuan pengambilan anda dengan Skrine sebagai PDK atau Pelajar Penempatan dan untuk memastikan bahawa penglibatan anda dengan Skrine dapat diuruskan dan ditadbir dengan berkesan, termasuk (tanpa had) untuk tujuan berikut:-
 - (a) Tujuan pentadbiran umum dan penyimpanan rekod;
 - (b) Perancangan bilangan kakitangan dan pembayaran honorarium;
 - (c) Pembangunan peribadi, latihan, dan pensijilan;
 - (d) Pelancongan perniagaan;
 - (e) Pengurusan/penilaian prestasi;
 - (f) Pentadbiran, kelulusan dan pemantauan faedah dan hak;
 - (g) Tujuan audit dan pematuhan;
 - (h) Pengurusan risiko dan keselamatan;
 - (i) Penyediaan dan pemantauan akses ke tempat kerja, kemudahan dan sistem berkaitan;
 - (j) Siasatan dalaman dan prosiding undang-undang;
 - (k) Kelulusan dan pematuhan kawal selia;
 - (l) Pematuhan kepada undang-undang dan sebarang pindaan yang berkuat kuasa; dan
 - (m) Untuk tujuan lain sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.
6. Skrine juga mungkin mengumpul, menggunakan dan memproses Data Peribadi anda setakat yang perlu sahaja untuk tujuan berikut:-
 - (a) Untuk mempromosikan Skrine dan kemahiran anda kepada orang awam terutamanya kepada pelanggan dan pelanggan berpotensi;
 - (b) Pada bahan promosi Skrine, usul-usul kerja atau jika diperlukan demi kepentingan dan kesejahteraan Skrine.

Pendedahan kepada Pihak Ketiga dan Pemindahan ke Luar Malaysia

7. Anda juga mengakui dan bersetuju bahawa Skrine mungkin mendedahkan dan memindahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak berikut (yang mungkin berada di luar Malaysia dan/atau menggunakan dan memproses Data Peribadi anda di luar Malaysia) setakat yang perlu sahaja:
- (a) pihak ketiga Skrine menyumber luar beberapa fungsi dalamannya, seperti vendor teknologi maklumat dan tuntutan;
 - (b) penanggung insurans, penasihat, perunding, dan juruaudit Skrine;
 - (c) apabila diminta oleh pelanggan atau pelanggan berpotensi untuk membantu mereka memutuskan sama ada untuk melantik Skrine untuk menyediakan perkhidmatan;
 - (d) penganjur apabila profil anda diminta untuk tujuan menghadiri acara atau persidangan;
 - (e) penerbit penerbitan berkaitan undang-undang apabila kami mengemukakan mana-mana artikel atau penerbitan.

Keselamatan Data Peribadi Anda

8. Kami komited untuk mengekalkan keselamatan Data Peribadi anda selaras dengan keperluan keselamatan data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA), serta dasar dalaman kami.

Tempoh Penyimpanan

9. Kami memproses Data Peribadi anda hanya selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas, dan selepas itu selama mana yang dikehendaki mengikut tempoh had undang-undang yang berkaitan, undang-undang dan peraturan yang terpakai, serta dasar dalaman kami. Sekiranya Data Peribadi tidak lagi diperlukan untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas atau keperluan undang-undang yang berkaitan, kami akan memadamkan Data Peribadi tersebut.

Akses dan Pembedulan

10. Anda boleh meminta akses kepada dan/atau membetulkan Data Peribadi anda dengan memberikan notis bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data Skrine melalui maklumat hubungan yang dinyatakan di bawah. Skrine berhak untuk: (a) menolak permintaan akses atau pembedulan atas alasan-alasan yang dibenarkan oleh undang-undang; dan (b) mengenakan bayaran RM2 untuk setiap permintaan akses kecuali jika akses adalah untuk tujuan mengemaskini/membetulkan Data Peribadi anda atau untuk sebab lain yang sah yang diterima oleh Skrine.

Maklumat Hubungan

11. Sekiranya anda ingin mengehadikan pemprosesan Data Peribadi anda, mengakses atau membetulkan Data Peribadi anda menurut Seksyen 10, atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan pemprosesan Data Peribadi anda, sila hubungi:

Jillian Chia

Pegawai Perlindungan Data

Unit No. 50-8-1, Tingkat 8,

Wisma UOA Damansara,

50, Jalan Dungun, Damansara Heights,

50490 Kuala Lumpur

Emel: dpo@skrine.com

No. Tel: +603 2081 3999 No. Faks: +603 2094 3211

12. Skrine berhak mengubah suai, mengemas kini, atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa dengan memaparkan Notis yang telah dikemas kini di Portal Intranet Skrine dan sebarang pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan tersebut akan mengikat anda.
13. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.